



KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN PROJEK PERKERETAAPIAN DI BANDAR SEREMBAN BERJALAN LANCAR

SEREMBAN, 14 Februari 2026 – Perbadanan Aset Keretapi (RAC) terus memperkukuhkan komitmennya terhadap pembangunan sistem pengangkutan rel negara melalui pendekatan pelaksanaan projek infrastruktur secara strategik.

Ini dapat dilihat daripada penyiapan Projek Membaik Pulih Bangunan Stesen Keretapi Seremban yang kini berada pada fasa akhir. Projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi pelaksana kini telah memasuki kerja-kerja melibatkan sistem mekanikal dan elektrik, kemas akhir bangunan serta proses pengujian dan pentauliahan sistem bagi memastikan piawaian keselamatan dan kebolehpercayaan dipenuhi sepenuhnya. Projek ini disasarkan untuk diserahkan pada 16 Mac 2026.

Sementara itu, bagi Projek Pembangunan Stesen Keretapi Seremban yang baharu, yang merupakan skop di bawah Projek Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Elektrik Lembah Klang Fasa 2 (KVDT2), projek ini memberi tumpuan kepada pembinaan infrastruktur stesen kereta api yang moden sebagai pelengkap kepada rangkaian rel sedia ada.

Menurut Dhaya Maju LTAT Sdn. Bhd. (DMLTAT) selaku kontraktor utama projek ini, kesemua kerja melibatkan cerucuk utama bagi struktur bumbung dan blok komersial telah berjaya disiapkan, dengan proses fabrikasi serta pemasangan tiang utama dan struktur kekuda bumbung dilaksanakan di tapak projek menggunakan kepakaran tenaga tempatan.

UNTUK SIARAN SEGERA

Fasa pemasangan komponen ini merupakan antara kerja paling mencabar daripada sudut teknikal berikutan kedudukannya berhampiran dengan talian *Overhead Electrical Catenary System* (OCS) berkuasa 25,000 volt — kini sedang giat dilaksanakan dengan pematuhan ketat terhadap piawaian keselamatan. Sebanyak 25 tiang utama telah berjaya didirikan dan baki pemasangan dijangka siap menjelang Jun tahun ini. Keseluruhan projek disasarkan siap pada akhir 2026.

Selain itu, bagi KVDT2 status kemajuan keseluruhan projek kini telah mencapai 50 peratus. Perincian kemajuan projek adalah seperti berikut:

- (i) Kerja menaiktaraf landasan bagi laluan naik (UL) Kuala Lumpur – Pelabuhan Klang sepanjang kira-kira 52 kilometer telah siap sepenuhnya, manakala kerja sistem semboyan dan komunikasi berada di peringkat akhir dengan penyerahan kepada KTMB disasarkan pada Mac 2026;
- (ii) Kerja menaiktaraf landasan bagi laluan turun (DL) dari Kajang ke Seremban telah diserahkan sepenuhnya kepada KTMB; dan
- (iii) Bagi laluan naik (UL) dari Batang Benar hingga ke had Projek KVDT2 di Stesen Bandar Tasik Selatan, kerja-kerja naik taraf kini sedang diberi tumpuan oleh pasukan projek.

Sebagai kesinambungan, fasa seterusnya projek ini akan memberi tumpuan kepada laluan naik (UL) dari Seremban ke Batang Benar bagi memperkukuh jaringan rel negara secara menyeluruh.

Terdahulu, sempena sambutan Tahun Baharu Cina 2026, satu sesi edaran pek perayaan kepada penumpang perkhidmatan ETS telah disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan di Stesen KL Sentral hari ini. Turut serta dalam sesi agihan tersebut yang dibuat di dalam tren ETS adalah YBhg. Dato' Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif RAC dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KTMB, YBhg. Datuk Azlan Shah Al Bakri. Program anjuran bersama RAC dan KTMB itu merupakan

UNTUK SIARAN SEGERA

tanda penghargaan kepada para penumpang yang setia menggunakan perkhidmatan rel semasa cuti perayaan.

Delegasi YBM yang turun di Stesen Keretapi Seremban seterusnya dibawa mendengar taklimat mengenai projek-projek perkeretaapian yang sedang dilaksanakan di bandar ini.

PERBADANAN ASET KERETAPI

14 FEBRUARI 2026

- TAMAT -

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletaklah kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Maklumat lanjut layari www.rac.gov.my

Pertanyaan Media:

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan binti Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 012 – 659 4256

No Faks: 603 - 8939 0222

Pegawai Komunikasi Korporat: Puan Amira Farahin binti Abdul Shukor

E-mel: amira.shukor@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 010 – 400 6707

No Faks: 603 - 8939 0222

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

29-1 | Sentral RAC | No.16 Jalan Tun Sambanthan | Brickfields

50470 Kuala Lumpur | Wilayah Kuala Lumpur | Malaysia

Tel : 03 - 7459 0200 | Faks : 03 - 7459 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | X : RailwayAssetsMY | Instagram : railwayassetscorporation

WhatsApp: Respon@RAC 019-200 8533 : Laman Web: www.rac.gov.my